



Ruj Tuan :
Ruj.Kami KPM.600-3/1/37JLD2()
Tarikh : 8 Ogos 2018

Seperti Senarai Edaran

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**KAJIAN KEPERLUAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN FORMAL BAGI MURID
TAHAP SATU DI SEKOLAH RENDAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Pembangunan Kurikulum sedang menjalankan **Kajian Keperluan Pelaksanaan Peperiksaan Formal Bagi Murid Tahap Satu Di Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia secara dalam talian**. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan pandangan pentadbir sekolah, guru, ibu, bapa dan penjaga berkenaan keperluan melaksanakan peperiksaan bertulis secara formal di sekolah, bagi murid Tahap Satu.

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini memohon kerjasama pihak YBhg. Datuk/tuan/puan untuk memaklumkan kepada **semua sekolah rendah** di bawah seliaan YBhg. Datuk/tuan/puan untuk melengkapkan instrumen kajian tersebut yang boleh dicapai mulai **13 Ogos 2018 hingga 31 Ogos 2018** dengan menggunakan alamat URL seperti berikut:

URL	Panduan
http://bit.ly/formal_ibubapa	Perlu dilengkapkan oleh ibu, bapa atau penjaga bagi murid Tahap Satu sahaja. Pihak sekolah dimohon untuk memaklumkan kepada ibu, bapa atau penjaga mengenai kajian tersebut
http://bit.ly/formal_guru	Perlu dilengkapkan oleh pentadbir dan guru sekolah rendah sahaja

.../2


4. Sebarang pertanyaan mengenai kajian tersebut, boleh diajukan kepada Pn. Muhanizah Binti Ahmad Mokhtar di talian 03-8884 2046.

Kerjasama pihak YBhg. Datuk/tuan/puan berikan, kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR)
Timbalan Pengarah
b.p. Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum